

MAHATHIR-LIBYA

KUALA LUMPUR, 8 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA BANYAK NEGARA YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK KELAPAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI BERSIMPATI DENGAN NEGARA-NEGARA YANG MENJADI SASARAN AMERIKA SYARIKAT.

BELIAU MEMBERITAHU PERSIDANGAN AKHBAR DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI, PARA PEMIMPIN NEGARA-NEGARA BERKENAAN SECARA TERUS TERANG MENYUARAKAN APA YANG DILAKUKAN OLEH AMERIKA SYARIKAT TERHADAP NEGARA MEREKA.

+BANYAK YANG BERSIMPATI,+ KATANYA.

KATANYA, MALAYSIA MUNGKIN TIDAK MEMAHAMI KEDUDUKAN YANG SEBENAR KERANA LAPORAN-LAPORAN YANG DITERIMA ADALAH DARIPADA AGENSI-AGENSI BERITA YANG +TETAP PRO-AMERIKA+ YANG TIDAK MELAPORKAN SEGALA KEBURUKAN.

+TETAPI MELALUI PERNYATAAN MEREKA, KITA DAPAT TAHU APA YANG DIBUAT OLEH AMERIKA MEMANGLAH TIDAK ADIL,+ KATANYA. -- LAGI
1510MST 08 09 86

D380

U 8557 AAB

MAHATHIR-LIBYA 2 KUALA LUMPUR

UMPAMANYA TINDAKAN AMERIKA MENABURKAN PERIUK API DI PELABUHAN NICARAGUA DAN MAHKAMAH DUNIA TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN BAHAWA AMERIKA BERSALAH DALAM PERKARA INI.

+TETAPI AMERIKA TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN MAHKAMAH DUNIA... JADI KALAU AMERIKA TIDAK MAHU MENERIMA KEPUTUSAN MAHKAMAH DUNIA, SIAPAKAH YANG HENDAK MENERIMANYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

SATU PERKARA LAIN IALAH YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEMIMPIN LIBYA KOL MUAMAR GADHAFI YANG PERLU DIBERI PERHATIAN, KERANA JELAS SEKALI BAHAWA PENGEBOMAN YANG DILAKUKAN OLEH AMERIKA ITU BERTUJUAN HENDAK MEMBUNUH KOL GADHAFI.

+IA MERUPAKAN PERCUBAAN SEBUAH NEGARA UNTUK MEMBUNUH...KALAU PERANG LAIN KIRA ... INI TIADA PERANG,+ KATANYA.

WALAUPUN MALAYSIA SEDAR BAHAWA KEMARAHAN AMERIKA ITU BERASASKAN KEPADA KEGANASAN YANG KONONNYA DILAKUKAN OLEH LIBYA TETAPI MALAYSIA TIDAK MENGIZINKAN SESIAPA JUGA PUN BERTINDAK MEMBUNUH. -- LAGI
1513MST 08 09 86

D382

U 8558 AAB

MAHATHIR-LIBYA 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA SAMA JUGA HALNYA DENGAN TINDAKAN ISRAEL MENGEBOM TUNIS.

ISREAL MENGEBOM KEDUDUKAN IBU PEJABAT Pengerusi PERTUBUHAN PEMEBEBASAN PALESTIN YASSER ARAFAT DI TUNIS PADA BULAN OKTOBER TAHUN LEPAS DAN AMERIKA MENGEBOM DUA BANDAR LIBYA IAITU TRIPOLI DAN BENGHAZI PADA BULAN APRIL. -- BERNAMA.

1516MST 08 09 86